

TNB Selangor B tunjuk hebat

>>Oleh Kamudin Baharom
am@hmetro.com.my

REGU Tenaga Nasional Berhad (TNB) Selangor B menjuarai kategori terbuka lelaki Kejohanan Sepak Takraw Piala Naib Canselor Unimap (Universiti Malaysia Perlis) kali ke-2 di Dewan Rakan Sukan MSN (Majlis Sukan Negeri) di Kangar, Perlis, baru-baru ini.

Kejayaan itu membolehkan regu itu membawa pulang piala pusingan, piala iringan dan wang tunai RM2,000, manakala naib juara pula diraih regu Universiti Putra Malaysia (UPM) RM1,500.

Malah, TNB Selangor B tu-

rut cemerlang apabila tonggak regu, Nor Azman Abd Hamid dinobatkan selaku pemain terbaik kejohanan dan menerima sebuah plak.

Sementara itu, dua pasukan yang terkandas di separuh akhir, regu Bukit Putra C dan TNB Selangor A diisytiharkan pemenang tempat ketiga (RM750).

Dalam kategori regu lelaki IPT (Institusi Pengajian Tinggi) pula menyaksikan kehebatan regu Universiti Teknologi Mara (UiTM) B yang dinobatkan juara untuk meraih piala iringan dan wang tunai RM1,000.

Regu UiTM A pula selaku naib juara (RM700) mana-

kala Unimap A dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) adalah pemenang bersama tempat ketiga (RM300).

Bagi kategori lelaki bawah 18 tahun pula menobatkan regu Mutiara Impian A selaku juara untuk memenangi piala iringan dan RM500 manakala regu Astab, kedua (RM300).

Dalam kategori terbuka wanita pula menyaksikan regu MSWP A dinobatkan juara, membawa pulang piala iringan dan RM500, manakala kedua regu Kedah B (RM300).

Regu Media C pula menjuarai kategori khas meraih



MILIK KAMI...pemain TNB Selangor B-bergambar bersama piala Naib Canselor Unimap selepas memenangi pertandingan sepak takraw baru-baru ini.

piala iringan dan RM500.

Manakala naib juara diraih regu Media B (RM300) dan

tempat ketiga bersama pula

menjadi milik regu Unimap dan V Perlis (RM150). Se-

mua pemenang turut me-

nerima pingat masing-masing.